

MENANGANI ISU FITNAH DALAM MASYARAKAT: ANALISIS TERHADAP AYAT-AYAT PERISTIWA *AL-IFK*

Wan Ramizah Hasan, Mohd Farid Ravi Abdullah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
wanramizah@kuis.edu.my

Adnan Mohamed Yusoff
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Medium fitnah memfitnah pada zaman sekarang bukan lagi sekadar melalui komunikasi harian, malah trend kini sudah dianjak ke alam siber yang dapat dibaca oleh semua pihak di seluruh dunia secara percuma. Ianya akan memberi kesan yang negatif kepada masyarakat terutama terhadap mangsa fitnah. Walaupun berbagai akta seperti Akta Fitnah 1957, Etika Kewartawanan Malaysia dan lain-lain lagi telah wujud, namun usaha-usaha ini belum cukup untuk menangani masalah ini terutama kepada mangsa-mangsa fitnah menyebabkan mereka mengalami tekanan emosi yang mendalam. Oleh kerana itu, penulisan ini dilakukan bertujuan mengenalpasti sama ada fenomena ini mempunyai persamaan dengan apa yang pernah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w melalui peristiwa al-Ifk dan bagaimanakah al-Quran menangani isu ini melalui ayat-ayatnya. Metod yang digunakan dalam penulisan ini ialah secara analisis kandungan, iaitu dengan meneliti ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis berkaitan dengan peristiwa al-Ifk yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir dan hadis. Kajian mendapati ayat-ayat yang membicarakan peristiwa al-Ifk mampu menangani isu-isu fitnah ini terutama kepada mangsa sama ada dari sudut aqidah, emosi atau tingkahlaku. Penulisan ini penting kerana ia mengupas tentang bagaimana al-Quran dapat menangani suasana fitnah yang melanda isteri Rasulullah s.a.w. Aisyah r.a. Justeru, dengan memahami ayat-ayat peristiwa al-Ifk, diharapkan usaha mengekang masalah fitnah memfitnah dalam masyarakat dapat ditangani oleh semua pihak.

Kata kunci: fitnah, peristiwa al-Ifk, Surah al-Nur, Aishah r.a

1. PENDAHULUAN

Kitab al-Quran merupakan mukjizat terbesar diturunkan kepada Rasulullah s.a.w yang mengandungi prinsip-prinsip asas agama Islam. Ia meliputi segala ilmu kerohanian dan kebendaan. Al-Quran mengandungi hukum-hukum yang berkaitan dengan penyusunan masyarakat, hubungan antara individu dan anggota masyarakat atas dasar kasih sayang, rahmat dan keadilan. Allah s.w.t. telah menegaskan bahawa al-Quran dapat menyelesaikan segala permasalahan manusia. (Fadl Hasan Abbas, 1991)

Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Nahl: [16.89]

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيِينًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ^{٨٩}

Maksudnya:

Dan Kami turunkan kepadamu al-Kitab (Al Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa masalah-masalah atau gejala sosial yang berlaku pada zaman jahiliyah dahulu dapat ditangani dengan baik oleh Islam dan al-Quran secara khususnya.

Antara peristiwa yang berdepan secara langsung dengan masyarakat yang mengelilingi Rasulullah s.a.w. dalam tempoh yang agak panjang adalah peristiwa *al-Ifk* iaitu satu peristiwa yang cukup besar dan menyedihkan yang telah menimpa Nabi s.a.w. yang membabitkan rumah tangga baginda yang merupakan satu perancangan jahat golongan munafiq. Apabila puak munafiq sudah tidak mempunyai jalan untuk memusnahkan dakwah dan Islam yang

dibawa Nabi s.a.w melalui cara memerangi atau lainnya, lalu mereka menukar strategi mereka dengan memfitnah Nabi s.a.w. (Sayyid Qutb 2010)

Walau bagaimanapun, peristiwa ini dapat ditangani dengan baik oleh mereka yang terlibat apabila Allah s.w.t. telah menurunkan wahyu-Nya kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui ayat-ayat peristiwa *al-Ifk* dalam surah al-Nur.

Fenomena yang mirip peristiwa *al-Ifk* sentiasa berlaku pada zaman sekarang. Apatah lagi zaman ini merupakan era ujian dan fitnah yang menggugat keimanan serta ketenteraman hidup. Manusia keliru dalam membuat pendirian dan sukar untuk berpegang teguh atas prinsip yang benar disebabkan cabaran, ujian serta tekanan yang wujud. (Utusan online 2 Mac 2017)

Penyebaran berita-berita palsu menjadi satu kebiasaan di media sosial mutakhir ini. Malah, isu ini turut mendapat perhatian oleh pemimpin tertinggi negara yang menyifatkan ia sebagai satu masalah besar. Hakikatnya, sesiapa sahaja boleh menyebarkan berita yang dimaksudkan dengan syarat mereka mempunyai akses kepada perkhidmatan internet dan peranti komunikasi di hadapan mereka. (Utusan Online: 22 Februari 2017)

Budaya fitnah memfitnah bukan lagi sekadar melalui komunikasi harian, malah trend kini sudah dianjak ke alam siber yang dapat dibaca oleh semua pihak di seluruh dunia dengan sekelop mata dan secara percuma. Al-Quran dalam firman-Nya telah menegaskan tentang larangan menyebarkan berita yang tidak pasti benar kerana fitnah merupakan perbuatan yang terkutuk dan sangat dicela oleh mana-mana agama. Perbuatan ini akan membawa kepada penyesalan yang berpanjangan. Bak kata pepatah melayu: “Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya”. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Hujurat, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ
نَدِيمِينَ ۗ

Yang bermaksud

“Wahai orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidik (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara tidak diingini, dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menyebabkan kamu menyesali perkara yang kamu lakukan.

Fenomena seumpama ini telah dan sedang berlaku dalam kalangan masyarakat kita. Dalam usaha untuk mengekang penyebaran berita palsu ini, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan pihak polis. Sebagai contohnya, MCMC telah menganjurkan kelas-kelas literasi media kepada para penduduk di Pusat-Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) seluruh negara sepanjang 2016. (Utusan Online: 22 Februari 2017)

Walaupun berbagai akta seperti Akta Fitnah 1957, Etika Kewartawanan Malaysia dan lain-lain lagi telah wujud, namun usaha-usaha ini belum cukup untuk menangani masalah ini terutama kepada mangsa-mangsa fitnah menyebabkan mereka mengalami tekanan emosi yang mendalam. Usaha-usaha untuk menangani masalah ini perlu dikaji dan diberi perhatian yang serius kerana ianya mudah-mudahan akan dapat mengurangkan perbuatan yang tidak sopan ini. Al-Quran yang merupakan pedoman untuk seluruh umat manusia telah memberi

panduan kepada kita dengan memaparkan contoh yang menyamai situasi yang ada pada zaman sekarang.

Mohd Shukri Hanapi (2015) menyatakan jenayah fitnah yang sedang membarah dalam masyarakat pada ketika ini bukanlah suatu gejala yang baru. Ia pernah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. malah yang menjadi mangsa fitnah itu adalah isteri baginda sendiri iaitu saidatina Aishah r.a.. Peristiwa ini lebih dikenali sebagai Kisah *al-Ifk* (tuduhan jahat). Dalam peristiwa yang direka-reka oleh kaum munafik itu, saidatina Aisyah r.a telah dituduh melakukan perkara yang tidak bermoral dengan Safwan bin Mu'attal.

Oleh kerana itu, secara umumnya, matlamat kajian ini dilakukan adalah untuk membuktikan dan menjelaskan kepada masyarakat tentang kesyumulan Islam dan kemukjizatan al-Quran dan al-Sunnah dalam menangani sesuatu permasalahan serta kemukjizatan yang sukar ditandingi oleh sistem yang lain. Manakala secara khususnya, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sama ada fenomena atau isu fitnah memfitnah pada zaman sekarang mempunyai persamaan dengan peristiwa *al-Ifk* dan mengkaji ayat-ayat yang berkaitan dalam surah al-Nur serta menganalisa ayat-ayat yang berkaitan dengan mengaitkan dengan isu semasa. Kajian atau penyelidikan ini adalah berbentuk perpustakaan atau *arm chair research*. Ia berasaskan kepada kaedah *maktabi* (perpustakaan) dimana pencarian maklumat dan data lebih tertumpu kepada bahan-bahan bercetak terutamanya kitab-kitab dan teks klasik.

2. PENGERTIAN FITNAH

Menurut Kamus Dewan (2013), fitnah bermaksud tuduhan (khabar, kisah, dan lain-lain) yg diada-adakan (dibuat-buat) untuk memburukkan atau membencanakan seseorang. Ianya diperincikan lagi dengan mengatakan bahawa fitnah bermaksud tuduhan yang diada-adakan sama ada ia berbentuk gambar, berita, kisah-kisah dan sebagainya yang boleh memburukkan atau memusnahkan seseorang individu, sesebuah institusi atau kumpulan dan seumpamanya. Walau bagaimanapun makna fitnah dalam al-Quran pula adalah berbeza. Antaranya ialah

1. Syirik.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Syirik lebih dahsyat dosanya daripada membunuh.*" (Ayat 191: Surah Al-Baqarah) "*Dan perangilah mereka supaya tidak berlakunya syirik.*" (Ayat 193: Surah Al-Baqarah) dan "*dan Syirik lebih besar dosanya dari membunuh.*" (Ayat 217: Surah Al-Baqarah)

2. Ujian dan cobaan.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Dan kami uji kamu (Nabi Musa) dengan pelbagai ujian yang besar.*" (Ayat 40: Surah Toha) "*Dan sesungguhnya kami telah menguji ummat yang terdahulu.*" (Ayat 3: Surah Al-Ankabut)

3. Seksa.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud "*Sesungguhnya orang-orang yang menyiksa orang-orang beriman lelaki dan perempuan ...*" Begitu juga makna fitnah pada ayat 10 surah al-Ankabut, ayat 14 surah az-Zariat dan ayat 110 surah an-Nahl.

4. Dosa.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Dan sebahagian mereka ada yang berkata*" *izinkanlah aku untuk tidak berperang dan janganlah menyebabkan aku berbuat dosa. Ketahuilah mereka yang telah terjebak dalam dosa (dengan tidak mahu pergi berperang).*" (Ayat 49: Surah At-Taubah)

5. Kekufuran.
Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Sesungguhnya mereka inginkan kekufuran.*"(Ayat 48: Surah At-Taubah) Begitu juga fitnah dalam ayat 7 surah Ali-Imran
6. Pembunuhan dan kebinasaan.
Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Sekiranya kamu takut orang-orang Kafir membunuh kamu.*"(Ayat 101: Surah An-Nisa) Begitu juga fitnah pada ayat 83 Surah Yunus.
7. Berpaling dari jalan yang benar.
Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Dan berwaspadalah dari mereka yang hendak memesongkan kamu dari jalan kebenaran.*"(Ayat 49: Surah Maidah). Begitu juga dalam ayat 73 surah al-Isra.
8. Sesat.
Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Dan sesiapa yang Allah hendak menyesatkannya.*" (Ayat 41: Surah Al-Maidah). Begitu juga fitnah dalam ayat 162 surah as-Soffat.
9. Alasan.
Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Kemudian tidaklah ada alasan mereka melainkan mereka berkata "Demi Allah wahai tuhan kami, kami bukannya orang-orang musyrikin."*" (Ayat 23: Surah Al-An'am). Sebahagian tafsir menyatakan fitnah disini bermaksud jawapan.
10. Gila
Firman Allah s.w.t yang bermaksud: "*Maka kamu akan lihat hai Muhammad dan mereka akan lihat siapakah yang gila.*"(Ayat 6: Al-Qalam)

Adapun perkataan fitnah dalam hadis, ianya juga memberi maksud yang berbeza. Walau bagaimana pun fitnah yang hendak dibincangkan dalam konteks kertas kerja ini ialah mengikut apa yang diertikan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) yang memberi maksud tuduhan (khabar, kisah, dan lain-lain) yg diada-adakan (dibuat-buat) untuk memburukkan atau membencanakan seseorang. Dalam zaman serba moden dan era teknologi ini, penyebaran fitnah mudah berlaku sama ada melalui ucapan, khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mail, laman sesawang atau blog, whatsapp, facebook, instagram dan sebagainya.

3. RINGKASAN PERISTIWA AL-IFK

Ayat-ayat yang berkaitan dengan peristiwa *al-Ifk* adalah ayat 10 hingga ayat 26 dalam surah al-Nur. Manakala hadis yang berkaitan dengan peristiwa *al-Ifk* ini telah diceritakan sendiri oleh Saidatina Aisyah r.a. dan diriwayatkan oleh beberapa orang perawi seperti Imam al-Bukhari, Muslim dan Ahmad. (Dr Ali Jarisyah, 1992)

Peristiwa *al-Ifk* adalah satu peristiwa yang cukup besar dan menyedihkan yang telah menimpa Nabi s.a.w. yang membabitkan rumah tangga baginda yang merupakan satu perancangan jahat golongan munafiq. Apabila puak munafiq sudah tidak mempunyai jalan untuk memusnahkan dakwah dan Islam yang dibawa Nabi melalui cara memerangi atau lainnya, lalu mereka menukar strategi mereka dengan memfitnah Nabi s.a.w. (Ibnu Kathir 2000)

Peristiwa ini berlaku setelah Islam mendapat kemenangan yang besar (dengan pertolongan Allah s.w.t) dalam peperangan Badar pada tahun 2H dan pukulan yang sengit juga menimpa mereka dengan tewasnya tentera Ahzab (Khandak) pada tahun 5H. Walaupun tentera mereka begitu ramai dan disertai oleh golongan Yahudi, Quraisy, Arab Badwi dan lain-lain, sehingga dengan kemenangan ini, Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

“Sekarang kita akan keluar menyerang mereka, sebaliknya mereka tidak akan datang lagi untuk menyerang kita (Madinah)”. [Sahih Al-Bukhari No. 4110].

Golongan munafiq memainkan peranan untuk memecah-belahkan perpaduan umat Islam. Mereka cuba mengadakan huru hara dalam masyarakat yang aman damai dengan pelbagai helah dan tipu muslihat. Ini agar umat Islam sentiasa berada dalam keadaan gelisah dan keluh kesah sehingga mereka tidak dapat menumpukan sepenuh usaha dan perhatian kepada islah mujtama’, membaikpulih kerosakan yang berlaku dalam masyarakat dan menyebarkan dakwah Islamiah. (Ibnu Kathir 2000)

Kejadian yang amat memedihkan ini berlaku sekembalinya Rasulullah s.a.w. dari serangan yang dilakukan terhadap bani al-Mustaliq (المصطلق). Pada bulan Sya’ban tahun 6H, bani al-Mustaliq telah mengadakan satu komplot untuk menyerang Rasulullah s.a.w. Setelah berita ini sampai kepada Rasulullah s.a.w., Baginda keluar bersama tentera Islam. Turut keluar bersama tentera muslimin ini ramai golongan munafiq, ini kerana mereka tahu Islam akan mendapat kemenangan. Mereka keluar bukan untuk berperang, tetapi untuk mendapat habuan perang (ghanimah). Tentera Islam dan bani al-Mustaliq bertemu di suatu tempat bernama al-Muraisi’ (المريسيع), di mana tentera Islam telah mengalahkan mereka dengan mudah. Dalam perjalanan pulang, golongan munafiq yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay bin Salul, telah cuba mengapi-apikan kabilah Ansar dan Muhajirin, untuk melagakan dua golongan Islam ini, tetapi api fitnah ini dapat dipadamkan oleh Rasulullah s.a.w.

Dalam kebanyakan riwayat-riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir menceritakan bahawa telah menjadi kebiasaan Rasulullah s.a.w., apabila keluar bermusafir Baginda akan mengadakan undian di antara para isterinya, siapakah yang akan mengiringi Baginda dalam musafir itu. Demikianlah sunnah Rasulullah s.a.w. mengajar umatnya supaya berlaku adil terhadap semua isteri. Dalam peperangan ini, yang terpilih adalah Ummul Mukminin Aisyah r.a, seorang yang masih muda dan berbadan kecil. Setelah tiba di suatu tempat berhampiran Madinah, Rasulullah s.a.w. bersama para sahabatnya telah berhenti rehat. Ketika ini, Siti Aisyah telah keluar untuk menunaikan hajat di suatu tempat yang terselindung daripada pandangan tentera Islam. Setelah selesai, beliau kembali ke tempat sekedup untanya dan mendapati rantai lehernya telah terjatuh tanpa disedari. Maka beliau terus kembali ke tempat tadi untuk mencarinya. Pada waktu yang sama, tentera Islam telah diperintahkan supaya meneruskan perjalanan ke Madinah. Pemandu unta Aisyah menyangka beliau telah berada di atas sekedupnya dan terus menariknya serta meneruskan perjalanan. Setelah Aisyah kembali ke tapak perkhemahan, beliau mendapati rombongan tentera telah berangkat tanpanya. Maka beliau terus berkelubung dengan hijabnya dan duduk menunggu di tempat untanya tadi, mudah-mudahan akan datang orang mencarinya selepas ini. Dalam keadaan cemas itu beliau menengis sehingga tertidur.

Kemudian datanglah Safwan bin al-Mu’attal al-Sulami yang berada di bahagian belakang rombongan, yang tugasnya memang mencari dan melihat apa-apa yang tercicir atau tertinggal. Setelah melihat seorang perempuan di tepi jalan, beliau begitu terkejut dan terus

beristirja' (استرجع), iaitu menyebut kalimah “Inna Lillahi Wainna Ilaihi Raji‘uun” [إنا لله وإنا إليه راجعون] dan lebih-lebih lagi apabila beliau mengenali Siti Aisyah sebelum turunnya ayat Hijab.

Tanpa berkata sepatah pun, Safwan merendahkan untanya untuk dinaiki Aisyah r.a. dan lalu berjalan membuntuti unta tersebut. Aisyah r.a. berkata: “*Kami tidak bercakap walau sepatahpun kecuali istirja' Safwan.*” Akhirnya mereka tiba ke tempat rombongan tentera Islam tadi.

Apabila melihat Aisyah tiba bersama Safwan, maka golongan munafiqin yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay melihat ini sebagai satu peluang keemasan untuk menabur fitnah jahat mereka. Mulalah mereka membuat cerita kononnya Aisyah telah berlaku curang dengan Safwan. Malangnya tuduhan jahat ini juga telah termakan oleh sesetengah orang Islam sendiri sehingga ada yang menjadi ‘pembawa mulut’, menyebarkan fitnah ini. Sebahagian yang lain pula mengambil sikap berkecuali dan mendiamkan diri sahaja. Setelah tiba di Madinah, telah tersebar ‘Hadis Ifki’ (tuduhan jahat) ini.

Rasulullah s.a.w. sendiri diam tidak bercakap, menantikan wahyu. Baginda juga telah bertanya pendapat beberapa orang sahabat, ada yang mengatakan ceraikan sahaja Aisyah dan ada pula yang membelanya. Wahyu pula tidak turun kepada Rasulullah s.a.w. hampir sebulan.

Ini adalah untuk menguji keimanan kaumnya dan untuk menzahirkan golongan munafiqin. Setelah Aisyah r.a. mendengar berita tersebut, beliau menangis sehingga kekeringan air matanya, tidak dapat mengeluarkan air mata lagi dan tidak dapat tidur keduanya. Kata Aisyah: “Aku menyangka tangisanku akan memusnahkan kehidupanku.” Hampir sebulan berada dalam keadaan demikian, pada suatu hari, datanglah Rasulullah s.a.w. ke rumah isterinya Aisyah bersama ayah dan ibunya. Baginda s.a.w. bersabda kepada Aisyah yang sedang asyik menangis: Maksudnya:

((Wahai Aisyah, sekiranya engkau suci daripada tuduhan ini, nescaya Allah akan membebaskan engkau, sekiranya engkau tersasar, maka beristighfarlah, sesungguhnya sekiranya seorang hamba itu bersalah kemudian dia mengakui dan bertaubat, pasti Allah s.w.t. akan menerimanya.))

Setelah mendengar sabda Rasulullah s.a.w. tersebut, Aisyah berhenti menangis dan meminta supaya ibu bapanya menjawab bagi pihaknya, tetapi mereka tidak tahu apa yang harus diucapkan. Beliau lalu menjawabnya sendiri dengan berkata:

“Keringlah airmataku kerana aku tahu tentang diriku. Kalau aku berkata aku dipihak yang benar, dan Allah mengetahui perkara yang sebenarnya, tetapi pasti kamu tidak akan mempercayainya. Tetapi sekiranya aku mengakui sesuatu yang Allah tahu aku adalah suci darinya, kamu akan mempercayainya. Maka tiada apa bagi aku dan kamu kecuali apa yang diucapkan oleh bapa nabi Yusuf AS: Maksudnya: {*Maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku). Dan Allah sajalah yang dimohon pertolongan-Nya terhadap apa yang kamu ceritakan.*} [Yusuf: 18].

Aisyah r.a. kemudiannya berpaling dan berbaring untuk berehat. Pada waktu inilah turunnya ayat yang membebaskan Aisyah r.a. dari segala tuduhan, tohmahan dan fitnah ke atasnya. Ia juga menjanjikan hukuman terhadap golongan yang menuduhnya. Ini dapat kita baca sehingga ke hari ini di dalam surah An-Nur: Maksudnya:

{Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah dari golongan kamu juga. Janganlah kamu kira bahwa berita bohong itu buruk bagi kamu bahkan ia adalah baik bagi kamu. Tiap-tiap seseorang dari mereka mendapat balasan dari dosa yang dikerjakannya. Dan siapa di antara mereka yang mengambil bahagian yang terbesar dalam penyiaran berita bohong itu baginya azab yang besar.} [An-Nur: 11]. (Ibnu Kathir 2000)

3.1 Golongan yang Terlibat

Golongan-golongan yang terlibat dalam peristiwa *al-Ifk* ini bolehlah dikategorikan kepada 3 golongan iaitu Mangsa Fitnah, Pembuat dan Penyebar Fitnah serta Masyarakat Sekitar.

3.1.1 Golongan Pertama: Mangsa Fitnah

Antara individu utama yang terlibat dalam peristiwa *al-Ifk* ini adalah Saidatina Aisyah r.a sendiri, Rasulullah s.a.w., Abu Bakar al-Siddiq serta isterinya dan Safwan bin Mu'attal. Sayyid Qutb (2010) telah menggambarkan situasi ini dalam ungkapan yang seolah-olah memahami kedudukan, emosi dan perasaan mangsa fitnah.

a. Saidatina Aisyah r.a

Situasi Pertama iaitu ketika Sayyid Qutb (2010) mengatakan (Aisyah r.a. yang begitu jujur dan suci hati dan fikiran itu telah dituduh dan diragui tentang sesuatu yang paling dibanggakan olehnya, iaitu kehormatan dirinya, sedangkan dia puteri Abu Bakr al-Siddiq yang dibesarkan di dalam rumah-tangga yang suci dan luhur. Dia dituduh tentang kejujurannya, sedangkan dia isteri Muhammad bin Abdullah dari keluarga Bani Hasyim yang tinggi. Dia dituduh tentang kesetiannya, sedangkan dia isteri yang paling dikasihi dan dimanjakan oleh Rasulullah s.a.w.. Dia dituduh tentang keimanannya, sedangkan dia puteri Islam yang terdidik di pangkuan Islam sejak hari pertama kedua matanya melihat hidup dunia ini dan di samping itu dia adalah isteri Rasulullah s.a.w. pula. Dia tidak dapat membuktikan kebersihannya selain dari meletakkan harapannya pada Allah s.w.t. dan selain dari menunggu-nunggu semoga Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi dari Allah yang membersihkan dirinya dari tuduhan itu, tetapi malangnya wahyu terputus selama sebulan kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah dan selama itulah dia hidup dalam keseksaan jiwa yang amat teruk.)

Situasi Kedua iaitu ketika mana beliau sahaja yang belum mengetahui cerita bohong ini sedangkan orang di sekeliling telah dan sedang memperkatakannya. (Alangkah terperanjatnya apabila dia mengetahui cerita fitnah itu dari Ummu Mistah, sedangkan di waktu itu dia masih sakit. Akibat berita itu dia terus kembali demam dan berkata kepada ibunya dengan penuh sedih: "Subhanallah! Apakah orang ramai tergamak memperkatakan perkara ini?") (Dan dalam satu riwayat yang lain dia bertanya: "Apakah ayah juga telah mengetahui perkara ini?" Jawab ibunya: "Ya". Kemudian dia bertanya lagi: "Apakah Rasulullah s.a.w. juga telah mengetahuinya?" Jawab ibunya: "Ya".) (Sayyid Qutb, 2010)

Situasi Ketiga iaitu ketika Rasulullah s.a.w. berkata seolah-olah baginda juga mempercayai berita yang tidak benar itu. (Alangkah terperanjatnya 'Aisyah apabila Rasulullah s.a.w. nabinya yang diimaninya dan suaminya yang amat disayanginya itu bersabda kepadanya: "Ammu ba'du! Telah sampai kepadaku cerita mengenai dirimu begini, begini. Jika engkau tidak bersalah, maka Allah akan membersihkan dirimu dan jika engkau telah melakukan sesuatu kesalahan, maka pohonlah keampunan kepada Allah Ta'ala dan bertaubatlah kepada-Nya, kerana apabila seseorang hamba itu telah mengakui kesalahannya dan bertaubat, maka Allah Ta'ala menerima taubatnya", kerana dia sedar bahawa kata-kata itu menunjukkan

bahawa baginda s.a.w. juga masih meraguinya, masih belum yakin terhadap kesuciannya, masih belum memutuskan tentang tuduhan orang terhadap dirinya, juga menunjukkan bahawa Allah belum lagi memaklumkan apa yang sebenar kepada beliau dan belum lagi mendedahkan kepada beliau tentang kesucian dirinya, sedangkan dia sendiri tidak berupaya untuk membuktikannya. Kini dia masih menjadi seorang yang tertuduh di dalam hati Rasul yang besar itu, yang amat mengasihi dan menyintainya.) (Sayyid Qutb, 2010)

b. Rasulullah s.a.w

Mangsa fitnah yang kedua adalah Rasulullah s.a.w. sendiri. Sayyid Qutb (2010) menggambarkan bahawa (seorang Rasul dari keturunan yang tinggi Bani Hasyim telah dituduh tentang kehormatan rumahtangganya. Siapakah yang dituduh itu? Itulah 'Aisyah yang terletak di dalam hati beliau selaku anak, selaku isteri dan selaku kekasih. Kini kebersihan dan kejujuran isterinya telah dituduh orang, sedangkan beliau seorang Rasul yang bersih dan kebersihan itu melimpah-limpah dari dirinya. Kini kemampuan beliau menjaga kehormatan rumahtangganya telah dituduh, sedangkan beliau mampu menjaga segala kehormatan rumahtangga yang lain di kalangan umatnya. Kini pemeliharaan Allah terhadap dirinya juga telah dituduh, sedangkan beliau sentiasa dipelihara Allah dari segala kejahatan. Inilah Rasulullah s.a.w. Beliau dituduh pada 'Aisyah r.a. dan tuduhan itu bererti menuduh beliau pada segala apa yang ada padanya, iaitu menuduh isterinya, menuduh kehormatan dan maruahnyanya, menuduh hati dan kerasulannya, malah bererti menuduh segala sesuatu yang dibangga dan dipandang tinggi oleh setiap orang Arab dan segala sesuatu yang dibangga dan dipandang tinggi oleh seorang Nabi. Demikianlah beliau dituduh pada segala-galanya dan tuduhan itu diperbualkan orang ramai selama sebulan di kota Madinah. Beliau tidak mampu menahan fitnah itu. Kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah, maka fitnah itu telah dibiarkannya selama sebulan cukup tanpa diturunkan sebarang wahyu (yang dapat menjelaskan keadaan yang sebenar) dan sebagai seorang manusia, beliau juga mengalami penderitaan-penderitaan yang dialami manusia biasa yang menghadapi suasana yang seperti itu, iaitu beliau mengalami malu, mengalami kesedihan hati dan lebih-lebih lagi mengalami kesepian yang tidak melupakan matanya iaitu kesepian dari nur wahyu Allah yang biasanya menunjukkan jalan keluar kepadanya. (Sayyid Qutb, 2010)

Keraguan berdenyut juga di dalam hatinya walaupun terdapat banyak bukti yang menunjukkan kebersihan dan kejujuran isterinya, namun beliau tidak dapat berpegang dengan bukti-bukti itu secara pasti dan muktamad, sedangkan fitnah yang didusta itu sedang merebak di kota Madinah. Hati insan beliau yang sangat menyayangi isterinya yang masih terlalu muda itu kini telah diseksakan oleh keraguan, sedangkan beliau tidak mampu menolak keraguan itu kerana beliau juga adalah seorang manusia (yang sama dengan manusia yang lain) yang terkocak perasaan dan emosinya dalam suasana yang seperti ini, kerana beliau juga seorang suami yang tidak sanggup disentuh kehormatan isterinya dan seorang lelaki yang apabila benih keraguan itu jatuh ke dalam hatinya ia akan mengembang besar dan sukar dicabut tanpa suatu bukti yang muktamad. (Sayyid Qutb, 2010)

Kini bebanan perasaan yang berat itu sedang menyeksakan Rasulullah s.a.w. lalu beliau pun memanggil Usamah ibn Zayd seorang yang sangat hampir kepada hati beliau, juga memanggil Ali ibn Abu Talib sepupunya dan pembantunya untuk bermesyuarat dengan mereka mengenai perkara isterinya 'Aisyah (yang tertuduh itu).

Rasulullah s.a.w. yang terharu dan gelisah sama seperti manusia yang lain itu telah mengambil saranan Usamah dan kesaksian perempuan pelayan 'Aisyah itu sebagai bekal

kekuatan untuk menghadapi orang ramai yang sedang berhimpun di dalam Masjid itu. Di sana beliau meminta pertolongan mereka untuk menghadapi orang-orang yang telah mencabul maruahnyanya dan menuduh isterinya dan menuduh seorang lelaki Islam yang terhormat (Safwan) yang tiada seorang pun selama ini mengetahui bahawa dia pernah membuat perkara yang tidak baik. Satu pertikaman kata-kata telah berlaku di antara orang-orang Aus dengan orang-orang Khazraj, sedangkan mereka berada di Masjid Rasulullah s.a.w. dan berada di hadapan Rasulullah s.a.w. Semuanya ini menunjukkan betapa tegangnya suasana yang menaungi masyarakat Islam di masa yang aneh ini, di mana kesucian dan kehormatan kepimpinan telah dicemar dan digoreskan. Peristiwa ini amat merunsingkan hati Rasulullah s.a.w., sedangkan nur wahyu yang biasa menolongnya belum lagi menunjukkan jalan keluar kepadanya. Lalu beliau pun pergi menemui 'Aisyah sendiri menerangkan secara terbuka segala kata-kata orang terhadap dirinya dan meminta dia memberi jawapan yang jelas yang menyembuhkan hati yang luka dan menenangkan jiwa yang gelisah. (Sayyid Qutb, 2010)

c. Abu Bakar r.a. dan Isterinya Ummu Rumman

Kini Abu Bakr as-Siddiq seorang tokoh terhormat, peka dan jujur sedang digigit kesedihan kerana kehormatannya iaitu puterinya telah dituduh orang, sedangkan puterinya ialah isteri Muhammad sahabatnya yang amat disayangi dan nabinya yang diimani dengan sepenuh hatinya, yang sentiasa berhubung dengan Allah dan tidak pernah menuntut apa-apa bukti dari luar hatinya. Kesedihan itu melimpah kepada lidahnya, sedangkan dia selama ini seorang yang sabar, yang sentiasa mengharapkan pahal dari Allah dan tabah menghadapi penderitaan hingga terkeluar kata-kata: "Demi Allah! Kami tidak pernah dituduh begini di zaman jahiliyah, oleh itu apakah kami redha menerima tuduhan ini di zaman Islam?" Inilah perkataan yang mengandungi perasaan beliau yang begitu pahit sehingga apabila puterinya yang sedang sakit dan menderita itu berkata kepadanya: "Tolonglah ayah jawab perkataan Rasulullah s.a.w. itu bagi pihak diriku", beliau menjawab dengan berat; Demi Allah, aku tidak tahu apa yang harus aku katakana kepada Rasulullah s.a.w." (Sayyid Qutb, 2010)

Ini pula Ummu Ruman isteri Abu Bakr as-Siddiq r.a. menahan sabar di hadapan puterinya yang sedang bersedih dan sedang sakit dan sentiasa menangis hingga terasa olehnya bahawa tangisan itu sedang memecahkan jantung hatinya. Dia berkata kepada anaknya: "Tenangkan dirimu menghadapi perkara ini. Jarang sekali seorang perempuan yang cantik yang berada di sisi seorang suami yang menyayanginya dan ada pula madu-madunya melainkan sudah tentu mereka banyak membuat kata-kata yang tidak baik terhadapnya. Tetapi kesabaran Ummu Ruman ini menjadi goyah apabila 'Aisyah berkata kepadanya: "Tolonglah ibu jawab perkataan Rasulullah s.a.w. itu bagi pihak diriku". Lalu dia menjawab sama dengan jawapan yang diucapkan oleh suaminya sebelum ini. "Demi Allah! Aku tidak tahu apa yang harus aku katakana kepada Rasulullah s.a.w.". (Sayyid Qutb, 2010)

d. Safwan bin Mu'attal

Ini pula Safwan ibn al-Mu'attal seorang Muslim yang jujur, bersih dan pejuang fi Sabilillah telah dituduh mengkhianati isteri Nabinya. Tuduhan itu bererti menuduh keislamannya, kejujurannya, kehormatannya dan maruah kaumnya, malah menuduh segala sifat yang baik yang dibanggakan oleh setiap sahabat Rasulullah s.a.w., sedangkan dia bersih dari tuduhan itu. Dia telah dikejutkan dengan suatu tuduhan yang zalim, sedangkan hatinya bersih dan tidak pernah terlintas memikirkannya hingga dia berkata: "Subhanallah! Demi Allah aku tidak pernah membuka bahu seorang perempuan pun". Dia tahu bahawa Hassan ibn Thabitlah yang menghebohkan fitnah ini, oleh itu dia tidak dapat menahan dirinya dari menetak Hassan dengan satu tetakan yang hampir-hampir membunuhnya. Sebab yang mendorong dia

mengangkat pedang ke atas seorang Muslim, sedangkan perbuatan itu memang dilarang Islam, ialah penderitaan batinnya yang telah melebihi batas yang dapat ditanggung oleh tenaga kesabarannya hingga menyebabkan dia tidak lagi dapat mengawal tali kekang hatinya yang luka itu. (Sayyid Qutb, 2010)

Itulah gambaran yang telah diungkapkan oleh Sayyid Qutb yang telah menggambarkan keadaan mangsa fitnah ketika itu. Oleh kerana itu, peristiwa ini amat sesuai untuk dijadikan panduan dan peringatan untuk mereka yang terlibat dalam isu seumpama ini. Ayat-ayat al-Quran lah merupakan rujukan utama kita dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang berlaku.

3.1.2. Saranan Kepada Mangsa Fitnah

Menurut Ibn al-‘Adwi (2002), firman Allah s.w.t dalam ayat 11 ini mengandungi saranan-saranan kepada mangsa fitnah dan ditujukan secara khusus kepada Rasulullah s.a.w, ahli keluarga Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. dan setiap mukmin yang merasai keperitan fitnah.

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنْكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).

Meyakini Bahawa Adanya Kebaikan Di Sebalik Peristiwa Yang Berlaku

Firman Allah s.w.t dalam ayat 11

لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ

Janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu.

Kebaikan yang boleh didapati daripada peristiwa *al-Ifk* menurut Ibn al-‘Adwi (2002), antaranya adalah:

- Mereka yang terlibat terutama yang dituduh akan mendapat ganjaran pahala yang besar kerana mereka dapat bersabar menghadapinya apabila diuji dan dizalimi.
- Mereka yang mengambil berat tentang Rasulullah s.a.w., isteri-isteri dan keadaan orang Islam yang lain akan diberi pahala kebaikan.
- Melalui ujian juga, seseorang itu dapat mengetahui siapakah yang menyayangi atau membenci beliau, siapakah kawan dan juga lawan.
- Terserlah kesucian Aisyah r.a. dan juga kelebihanannya apabila kisah ini dirakamkan dalam ayat-ayat yang dibaca oleh seluruh umat Islam sehingga ke akhir zaman.
- Mendidik orang-orang Islam bagaimana cara menghadapi situasi seumpama ini sekiranya ia berulang.

Sayyid Qutb (2010) juga telah menyatakan antara kebaikannya adalah:

- Peristiwa fitnah ini dapat mendedahkan satu kumpulan yang berkomplot merancang tipu muslihat yang jahat terhadap Islam dengan mencemarkan peribadi Rasulullah s.a.w. dan ahli rumahnya.

- b. Ia mendedahkan kepada masyarakat Muslimin betapa perlunya undang-undang mengharamkan jenayah qazaf dan menghukumkan orang-orang yang melakukan perbuatan itu dengan hukuman hudud yang diwajibkan Allah.
- c. Ia juga menjelaskan betapa besarnya yang akan mengancam masyarakat Muslimin jika orang-orang yang berada di dalam masyarakat itu dibebaskan membuat tuduhan-tuduhan yang melulu terhadap wanita-wanita Muslimin yang *muhsan*, yang tidak hati-hati menjaga dirinya. Ketika itu mereka akan membuat tuduhan-tuduhan tanpa mengenal batas, malah mereka akan tergamak menuduh tokoh-tokoh yang terhormat dan paling tinggi dalam masyarakat hingga menyebabkan masyarakat Muslimin hilang segala perlindungan dan hilang segala perasaan segan dan malu.
- d. Peristiwa itu dapat menunjukkan kepada masyarakat Muslimin dengan peristiwa itu satu peraturan yang betul untuk menghadapi jenayah yang besar itu.

Meyakini Bahawa Masing-masing Mendapat Habuan dan Balasan

Antara perkara yang boleh memberi ketenangan kepada mangsa fitnah ialah apabila dijanjikan balasan yang setimpal terhadap mereka yang melakukan fitnah kepadanya sama ada di dunia ataupun di akhirat.

Firman Allah s.w.t dalam ayat 11 juga:

لِكُلِّ أَمْرٍ مِّنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ ۝

Yang bermaksud:

Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat)

Orang yang memegang peranan utama dalam menyebarkan fitnah dan memegang teraju perancangannya dan mengambil bahagian yang terpenting di dalamnya ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala kaum Munafiqin dan pembawa panji-panji tipu muslihat yang keji. (Sayyid Qutb 2010) Namun begitu Abdullah bin Ubai terselamat daripada hukuman sebat 80 kali. Walau bagaimanapun, bukan bermakna beliau akan terselamat di akhirat kelak. Adapun sahabat yang lain yang menyebarkan fitnah tersebut seperti Hassan bin Thabit, Hamnah, Mistah dan lain-lain mereka telah dikenakan hukuman sebat. (Zahazan 2017)

Melarang Semua Pihak Daripada Mengikuti Jejak Langkah Syaitan

Setelah Allah s.w.t. menegur kesilapan serta menunjukkan jalan yang benar dalam berhadapan dengan kejadian fitnah, Allah s.w.t. memberi peringatan dan nasihat dalam mengharmonikan kembali keadaan masyarakat iaitu Allah s.w.t. memberi peringatan agar tidak mengikuti jejak langkah syaitan yang sentiasa membisikkan perkara buruk agar manusia saling bermusuhan antara satu sama lain walaupun mereka telah beriman. (Zahazan 2017)

Firman Allah s.w.t dalam ayat 21:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ الشَّيْطَانِ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطَوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ۝

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang

mungkar. Dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah Allah Maha Mendengar) lagi Maha Mengetahui.

Memaafkan Orang Yang Memfitnah Apabila Mereka Bertaubat

Firman Allah s.w.t dalam ayat 22:

وَلَا يَأْتَلِ أُولُو الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةِ أَنْ يُؤْتُوا أُولَى الْقُرْبَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ
وَلِيَعْفُوا وَلِيَصْفَحُوا ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

*Dan janganlah orang-orang yang berharta serta lapang hidupnya dari kalangan kamu, bersumpah tidak mahu lagi memberi bantuan kepada kaum kerabat dan orang-orang miskin serta orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah; dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Ibnu Kathir (2000) menyatakan bahawa ayat ini diturunkan dan ditunjukan kepada Abu Bakar al-Siddiq ketika dia bersumpah untuk tidak memberi nafkah dan bantuan lagi buat selama-lamanya kepada Mistah bin Uthathah kerana Mistah salah seorang pelaku utama secara aktif dalam peristiwa *al-Ifk* ini. Namun setelah ayat ini turun, Saidina Abu Bakar r.a. terus memaafkan Mistah dan berjanji untuk meneruskan bantuan kewangan tersebut. Sikap yang disuruh oleh Allah s.w.t adalah العفو dan الصفح iaitu memberi kemaafan dan melupakannya. Al-Qurtubi (2006) menerangkan dalam tafsirnya bahawa *al-'afw* adalah dengan tidak menghukum orang yang melakukan dosa. Adapun *al-safh* bermaksud menghilangkan kesan (rasa marah) daripada diri.*

3.1.3. Golongan Kedua: Pembuat dan Penyebar Fitnah

Golongan yang membuat fitnah peristiwa *al-Ifk* bukannya hanya seorang sahaja dan bukan pula beberapa orang, malah mereka terdiri dari satu kumpulan yang bersatu padu dan mempunyai matlamat yang sama.

Orang yang menyebarkan fitnah yang didusta itu bukannya Abdullah bin Ubay bin Salul seorang sahaja, tetapi dialah yang mengambil peranan yang terbesar, yang mewakili kaum Yahudi dan kaum Munafiqin yang tidak berupaya memerangi Islam secara terbuka. Mereka telah berselindung di sebalik tabir Islam untuk memusnahkan Islam secara diam-diam.

Dan cerita fitnah yang didusta itu merupakan salah satu dari rancangan-rancangan jahat mereka yang berbisa, tetapi orang-orang Islam telah tertipu dengan *di'ayah* mereka lalu turut memperkatakan cerita fitnah itu seperti Hamnah Jahsy, Hassan bin Thabit dan Mistah bin Uthathah, sedangkan punca yang merancang fitnah itu berada di tangan kumpulan itu yang dipimpin oleh Abdullah bin Ubay bin Salaul, seorang dalang yang sangat berhati-hati dan pintar. Dia tidak pernah menampakkan dirinya dalam perjuangan itu. Dia tidak menuduh secara terus terang hingga dapat ditangkap dan dikenakan hukuman hudud. Dia hanya menyebarkan fitnah itu secara berbisik-bisik di kalangan orang-orangnya yang dipercayai tidak akan menjadi saksi terhadapnya. Perancangan fitnah itu begitu licin dan jahat sehingga ia dapat menggegarkan kota Madinah selama sebulan cukup, di mana orang ramai mengeluarkan kata-kata yang tidak baik terhadap rumahtangga yang paling bersih dan bertaqwa di kota Madinah. (Sayyid Qutb 2010)

3.1.4. Golongan Ketiga: Masyarakat Sekeliling

Antara individu yang Rasulullah s.a.w. pernah bertanya tentang hal isterinya Aisyah r.a. ialah Ali bin Abu Talib dan Usamah bin Zayd r.a., hamba perempuan yang bernama Barirah, Saad bin Muaz dan Saad bin Ubadah. Selain daripada itu terdapat riwayat yang menceritakan perbualan antara Abu Ayyub al-Ansari dengan isterinya. Ini adalah satu gambaran tentang keadaan masyarakat ketika itu. Sayyid Qutb (2010) telah menggambarkan suasana dengan mengatakan bahawa satu pertikaman kata-kata telah berlaku di antara orang-orang Aus dengan orang-orang Khazraj, sedangkan mereka berada di Masjid Rasulullah s.a.w. dan berada di hadapan Rasulullah s.a.w. Semuanya ini menunjukkan betapa tegangnya suasana yang menaungi masyarakat Islam di masa yang aneh ini, di mana kesucian dan kehormatan kepimpinan telah dicemar dan digoreskan.

3.1.5. Saranan Kepada Golongan Yang Memfitnah dan Masyarakat Sekeliling

Wahbah al-Zuhaily menyatakan dalam kitabnya bahawa secara khususnya Allah s.w.t telah memberi 9 peringatan kepada golongan yang memfitnah dan masyarakat sekitar yang mendengar perkhabaran ini.

a. Hendaklah Berbaik sangka terhadap diri sendiri.

Firman Allah s.w.t dalam ayat 12

لَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بِأَنفُسِهِمْ خَيْرًا وَقَالُوا هَذَا إِفْكٌ مُّبِينٌ^{١٣}

Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri. dan berkata: "Ini ialah tuduhan dusta yang nyata"

Al-Quran mengajak kaum muslimin menggunakan cara bertanya kepada hati kecil dalam menghadapi persoalan-persoalan yang besar, kerana cara bertanya kepada hati kecil sendiri atau merujuk kepada logic fitrah sendiri merupakan langkah utama sebelum menghukumkan peristiwa-peristiwa itu. (Sayyid Qutb 2010)

Cara inilah yang dilakukan oleh Abu Ayub Khalid ibn Zayd al-Ansari dan isterinya r.a. Imam Mahmud ibn Umar az-Zamakhsyari pula menaqqalkan dalam tafsirnya "al-Kasysyaf" bahawa Abu Ayub al-Ansari telah bertanya kepada Ummu Ayub: "Apa pendapat engkau tentang kata-kata orang terhadap 'Aisyah itu?'" Jawab Ummu Ayub: "Jika abang di tempat Safwan adakah abang menaruh fikiran yang buruk terhadap isteri Rasulullah s.a.w.?" Jawab Abu Ayub: "Tentu tidak!" Ujar Ummu Ayub: "Jika saya di tempat 'Aisyah r.a. tentulah saya tidak akan menganiayai Rasulullah s.a.w., (yang jelas sekarang) ialah 'Aisyah itu lebih baik dari saya dan Safwan itu lebih baik dari abang (jadi sudah tentu mereka tidak akan tergamak melakukan perbuatan itu)". (al-Zamakhsyari 1998)

b. Perlu membawa saksi terlebih dahulu.

Firman Allah s.w.t dalam ayat 13

لَوْلَا جَاءُوا عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءَ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا بِالشُّهَدَاءِ فَأُولَئِكَ عِنْدَ اللَّهِ هُمُ الْكَاذِبُونَ^{١٣}

Sepatutnya mereka (yang menuduh) membawa empat orang saksi membuktikan tuduhan itu. Oleh kerana mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka mereka itu pada sisi hukum Allah, adalah orang-orang yang dusta.

c. Sentiasa mengingati rahmat dan azab Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t dalam ayat 14

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ لَمَسَّكُمْ فِي مَا أَفَضْتُمْ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ^{١٤}

Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu di dunia dan di akhirat, tentulah kamu dikenakan azab seksa yang besar disebabkan kamu turut campur dalam berita palsu itu;

Nikmat dan rahmat Allah s.w.t dalam berbagai bentuk seperti menanggukkan siksaan untuk memberi peluang untuk bertaubat dan memohon ampun. Manakala rahmat Allah s.w.t di akhirat pula dengan memberi keampunan. Ayat ini juga termasuk dalam katogori teguran kerana perkataan لولا memiliki makna tidak terjadinya sesuatu kerana adanya sesuatu yang lain.

d. Tidak menyebarkan berita yang tidak pasti atau menganggap isu ini remeh.

Firman Allah s.w.t dalam ayat 15

إِذْ تَلَقَّوْنَهُ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُمْ مَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُ هَيِّئًا وَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمٌ^{١٥}

Iaitu semasa kamu bertanya atau menceritakan berita dusta itu dengan lidah kamu, dan memperkatakan dengan mulut kamu akan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; dan kamu pula menyangkanya perkara kecil, pada hal ia pada sisi hukum Allah adalah perkara yang besar dosanya.

Dalam ayat ini, Allah s.w.t. menempelak mereka yang mempersoalkan perkara tersebut apabila menerimanya, bercakap-cakap mengenainya dan menganggap perkara tersebut hanyalah perkara yang kecil. (Zahazan 2017)

Menurut al-Zuhaili (1998), Allah s.w.t dalam ayat ini menegur mereka yang melakukan tiga bentuk perbuatan dosa dan menjadikannya sebagai sebab tertimpa azab yang besar:

Pertama: Menerima berita bohong dengan mulut mereka iaitu menanyakannya dan menyebarkannya dari mulut ke mulut, tidak hanya sekadar mendengarnya secara tidak sengaja.

Kedua: Membicarakan sesuatu yang mereka tidak memiliki pengetahuan tentangnya dan tidak pula memiliki dalil dan bukti. Ini adalah perbuatan yang dilarang seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Isra' ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا^{٣٦}

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Ketiga: Menganggap perkara itu sebagai suatu yang biasa, mudah dan remeh sedangkan di sisi Allah s.w.t. adalah sangat serius, sangat besar dosanya dan menyebabkan hukuman yang keras.

e. Mengelakkan diri daripada mengatakan sesuatu yang boleh mencemarkan nama baik Nabi s.a.w.

Firman Allah s.w.t dalam ayat 16

وَلَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ قُلْتُمْ مَا يَكُونُ لَنَا أَنْ نَتَكَلَّمَ بِهَذَا سُبْحَانَكَ هَذَا بُهْتَانٌ عَظِيمٌ^{١٦}

Dan sepatutnya semasa kamu mendengarnya, kamu segera berkata: "Tidaklah layak bagi kami memperkatakan hal ini! Maha Suci Engkau (ya Allah dari mencemarkan nama baik ahli rumah Rasulullah)! Ini adalah satu dusta besar yang mengejutkan".

f. Tidak mengulangi kesilapan sekiranya benar-benar beriman.

Firman Allah s.w.t dalam ayat 17-18

يَعِظُكُمُ اللَّهُ أَنْ تَعُودُوا لِمِثْلِهِ أَبَدًا إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ۗ وَيُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ۙ

Allah memberi pengajaran kepada kamu, supaya kamu tidak mengulangi perbuatan yang sedemikian ini selama-lamanya, jika betul kamu orang-orang yang beriman. Dan Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan (hukum-hukumNya); kerana Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana

g. Azab Yang Pedih Kepada Yang Membuat dan Menyebarkan Fitnah

Firman Allah s.w.t dalam ayat 19

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفُحْشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ۙ

Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebah tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)

h. Sentiasa Mengingati Bencana Bakal Menimpa dengan Serta Merta

Firman Allah s.w.t dalam ayat 20:

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ وَأَنَّ اللَّهَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ ۙ

Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, dan juga (kalaulah tidak kerana) bahawa Allah Amat melimpah belas kasihanNya, (tentulah kamu akan ditimpa azab dengan serta-merta)

i. Melarang Keras Perbuatan Yang Mengikut Jejak Langkah Syaitan

Firman Allah s.w.t dalam ayat 22:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ۙ

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. Dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya); dan (ingatlah Allah Maha Mendengar) lagi Maha Mengetahui

3.1.6. Penutup Yang Muktamad dan Tuntas

Firman Allah s.w.t dalam ayat

الْحَبِيثَاتُ لِلْحَبِيثِينَ وَالْحَبِيثُونَ لِلْحَبِيثَاتِ وَالطَّيِّبَاتُ لِلطَّيِّبِينَ وَالطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَاتِ أُولَئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ^{٢٦}

(Lazimnya) perempuan-perempuan yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat, dan lelaki-lelaki yang jahat untuk perempuan-perempuan yang jahat; dan (sebaliknya) perempuan-perempuan yang baik untuk lelaki-lelaki yang baik, dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik. Mereka (yang baik) itu adalah bersih dari (tuduhan buruk) yang dikatakan oleh orang-orang (yang jahat); mereka (yang baik) itu akan beroleh pengampunan (dari Allah) dan pengurniaan yang mulia

Secara umum ayat ini adalah penutup kepada bab hukum hakam yang berkaitan dengan melempar fitnah kepada wanita yang baik dan suci. Isu yang menimpa rumahtangga dan sahabat Rasulullah s.a.w. ditutup dengan ucapan yang tuntas bahawa sekalian orang yang difitnah itu adalah bersih belaka dari segala tuduhan dan mereka tidak bersalah sama sekali. Manakala si penuduh diberi ampun oleh Allah s.w.t. atas dosa mereka setelah menjalani hukuman yang sewajarnya. Orang-orang yang dituduh dikurniakan rezeki yang melimpah ruah dari Allah s.w.t. (Nafisah Tahir 2016)

4. KESIMPULAN

Peristiwa *al-Ifk* merupakan ujian Allah s.w.t. buat masyarakat Islam pada ketika itu dan terus kekal dibaca sepanjang zaman sebagai satu tarbiyah dan pendidikan buat umat manusia supaya jiwa sentiasa bercahaya selagimana mereka menyelusuri cahaya Ilahi. Ini adalah kerana kajian mendapati dan melihat bagaimana al-Quran menerusi ayat-ayat 10 hingga ayat 26 dalam surah al-Nur dapat menangani suasana fitnah yang melanda isteri Rasulullah s.a.w. Aisyah r.a. dan masyarakat Islam dan sudah tentu mampu menangani isu-isu fitnah zaman sekarang. Mudah-mudahan dengan memahami ayat-ayat peristiwa *al-Ifk*, diharapkan usaha mengekang masalah fitnah memfitnah dalam masyarakat dapat ditangani oleh semua pihak dalam lindungan rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t.

5. RUJUKAN

- Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, (2001) Terj. Muhammad Thalib, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Al-'Adwi, Abu Abd Allah Mustafa ibn al-'Adwi, *Tafsir Surah al-Nur Fi Su'al wa Jawab*, 2002, Maktabah Makkah, Mesir
- Al-Zamakhsyari, 1998, *al-Kasysyaf 'an Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi wujuh al-Ta'wil*, tahqiq, Maktabah al-Abikan, Riyadh
- Al-Zuhayli, Prof Dr. Wahbah, 1998, *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syariat wa al-Manhaj*, Dar al-Fikr, Damsyik.
- Fadl Hasan Abbas, 1991, *I'jaz al-Quran al-Karim*, Amazon.co.uk, ASIN: B0000D6TX7
- Jasmi, K.A (Kamarul Azmi) (2004), *Pengertian Fitnah dan Kaedah Menanganinya Dalam Masyarakat*. in MINDA, Johor Bharu, Johor, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, pp 5 ISSN 2289-4551
- Mohd Shukri Hanapi (2015) *Bahaya Jenayah Fitnah*. Majalah Dakwah.
- Nafisah Tahir, Kamal Ashaari, *Ajarkan Wanitamu Surah al-Nur*, 2016, Pustaka Zhilal, Kuala Lumpur.
- Noresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Sayyid Qutb, (2010) *Tafsir Fi Zilalil Qur'an, Di Bawah Bayangan al-Quran*, Terj Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob, Pustaka Darul Iman Sdn, Bhd. Cet 1
Zahazan, Datuk Dr. *Indahnya Bicara-Mu Surah al-Nur Lentera Ilahi Tafsir Surah al-Nur*, 2017, Telaga Biru Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
<http://dalamislam.com/akhlaq/larangan/fitnah-dalam-islam>
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1019&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm
<http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/islam-nusantara/17/01/06/ojcnho313-rasulullah-ingatkan-bahaya-fitnah>
<http://www.utusan.com.my/rencana/agama/fiqh-tabayun-hadapi-zaman-fitnah-1.451222#ixzz4ncL6i1EE>
https://www.academia.edu/18484974/Bahaya_Jenayah_Fitnah
<https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20170510/282119226457256>